



GARIS PANDUAN PENULISAN AL-QURAN BRAILLE STANDARD MALAYSIA



Versi Braille

الصلوة

الرَّكْوَةُ

الْحَيَاةُ

الْيَوْمُ

LEMBAGA PENGAWALAN DAN PELESENAN PENCETAKAN AL-QURAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

GARIS PANDUAN PENULISAN AL-QURAN BRAILLE STANDARD MALAYSIA

Terbitan:
KEMENTERIAN DALAM NEGERI MALAYSIA



**كمترین دالم نکری
مليسيا**

Hak cipta Terpelihara. Mana-mana bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disalin atau dipindahkan dengan apa jua cara sekalipun, sama ada dengan komputer, fotokopi, filem dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri Malaysia.

Sidang Editor

Penasihat :
Haji Mohd Nawardi bin Saad

Ketua Editor :
Haji Mohd Farid Hadi bin Sharif

Editor dan Penyelaras :
Mohd Nur Adzam bin Rasdi
Nadzrul Haq bin Abdul Razak
Mohd Faiz bin Abdul Razak
Siti Haida binti Hamedan

Muka Taip Teks: Calibri
Saiz Taip Teks: 10/12

CETAKAN 2021

Reka bentuk oleh :
RISING FUSION SDN. BHD.

Wisma RF, No.13, Jalan Diplomatik 2/2,
Presint 15, 62050 Putrajaya



KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN	III
JAWATANKUASA PEMBENTUKAN GARIS PANDUAN PENULISAN AL-QURAN BRAILLE STANDARD MALAYSIA	V
LATAR BELAKANG	1
TUJUAN	2
PRINSIP ASAS PENULISAN DAN PENANDAAN AL-QURAN BRAILLE	2 -13
A. <i>RASM</i>	
B. <i>DABT</i>	
C. TANDA WAQF	
D. BACAAN KHAS	
FORMAT PENERBITAN AL-QURAN BRAILLE	14 - 16
PENUTUP	17

LAMPIRAN A

(Keterangan Mengenai Kod Huruf Arab & *Dabt Braille*) 18

LAMPIRAN B

(Pengenalan Mashaf Ini) 21

LAMPIRAN C

(Panduan Mashaf al-Quran Braille Malaysia) 23

KATA ALU-ALUAN



Alhamdulillah, segala puji-pujian dipanjangkan ke hadrat Allah SWT yang mentadbir alam semesta, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sekalian para sahabatnya. Al-Quran mukjizat teragung yang kelestariannya dipastikan terjamin autentik melalui hafazan dan tulisan. Ini terbukti melalui catatan sejarah mengenai usaha-usaha yang telah diambil bermula dari zaman Baginda Nabi SAW sehingga kini. Di Malaysia, usaha-usaha memelihara kelestarian al-Quran melalui tulisan dibuat mengikut mekanisme perundangan dan sistem kawal selia yang ditadbir urus secara berstruktur. Pada 1996, Panduan *Rasm Uthmani* telah dikeluarkan khusus bagi menyeragamkan kaedah penulisan al-Quran di dalam negara. Selain itu, beberapa garis panduan berkaitan seperti Garis Panduan Al-Quran Tajwid Berwarna Berserta Wakaf dan Ibtida' telah dikeluarkan sebagai komplimentari kepada Panduan *Rasm Uthmani*.

Satu lagi bentuk penulisan al-Quran adalah melalui tulisan Braille. Penerbitan al-Quran Braille sebelum ini menggunakan pelbagai standard penulisan dari beberapa negara yang berbeza. Ini secara tidak langsung menyebabkan tiada keseragaman dalam penggunaan standard penulisan al-Quran Braille. Kekeliruan mula timbul dalam kalangan pengguna khususnya dari golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan, ekoran perbezaan dari pelbagai kaedah penulisan dan spesifikasi penandaan yang terdapat dalam al-Quran Braille yang diguna pakai. Tambahan pula, kawal selia terhadap penerbitan al-Quran Braille tidak dilaksanakan ketika ini seperti mana penerbitan al-Quran biasa. Bagi mengelak masalah ini terus berlarutan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Bahagian Pengukuasaan dan Kawalan dengan kerjasama erat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengambil inisiatif bagi menggubal garis panduan penulisan al-Quran Braille bercirikan standard yang tersendiri. Tujuan garis panduan ini digubal adalah untuk dijadikan rujukan tunggal dalam kalangan penerbit dan pengguna al-Quran Braille bukan sahaja di Malaysia, malah menjadi satu tanda aras baharu bagi penerbitan al-Quran Braille di peringkat global.

Bagi menjayakan usaha ini, satu panel khas yang melibatkan pakar-pakar al-Quran dan Braille dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) telah dibentuk. Ciri utama penggubalan garis panduan standard penulisan al-Quran Braille

ini adalah menjurus kepada standard penulisan mengikut kaedah *Rasm Uthmani*, tidak seperti mana penulisan al-Quran Braille lain yang cenderung kepada kaedah penulisan *Im'a'i*. Kejayaan dalam menggubal garis panduan ini telah membuktikan keprihatinan serta inklusiviti kerajaan dan pihak-pihak berkaitan terhadap semua kelompok masyarakat khususnya OKU penglihatan yang beragama Islam.

Adalah diharapkan Garis Panduan Penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia ini dapat dijadikan asas rujukan dan panduan yang seragam khususnya kepada penerbit dan pembacanya. Semoga usaha ini dapat memelihara kemaslahatan pihak yang memerlukan, sekaligus dapat meningkatkan syiar Islam. Akhir kalam, terima kasih dan tahniah kepada pihak terbabit yang menjayakan penerbitan garis panduan sama ada secara langsung atau tidak langsung dan didoakan agar ianya diberkati dan diterima sebagai amal yang soleh di sisi Allah SWT.

(DATO' (DR) HAJI NOOH BIN GADOT)

Pengerusi

Lembaga Pengawalan Dan Pelesenan Pencetakan Al-Quran
Kementerian Dalam Negeri

JAWATANKUASA PEMBENTUKAN
GARIS PANDUAN PENULISAN AL-QURAN BRAILLE STANDARD MALAYSIA

Haji Nawardi bin Saad
Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Haji Mohd Norizan bin Abdul Ghani
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Jafri bin Abdullah
Kementerian Dalam Negeri (KDN)

Dr. Azizul bin Hassan
Ahli Lajnah Taskeh Al-Quran (KDN)

Mohd Kalam Mazad bin Abdul Rahman
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Prof. Dr. Muhammad Mustaqim bin Mohd Zarif
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Mohamad
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Mohd Nur Adzam bin Rasdi
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Mohammad Faizal bin Che Yusof
Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)

Muhammad Shahril Azrie bin Zainudin
Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)

Mohd Firdaus bin Hairi
Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)

Haji Muhammad Lee bin Abdullah
Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS)

Zakaria bin Yahya
SM Pendidikan Khas Setapak (PERTIS)

Sharifah Zainah binti Syed Abd Rahman
Kolej Vokasional Setapak (PERTIS)

Ahmad Qusairi bin Mat Zizi
Darul Quran JAKIM (PERTIS)

Mohd Ali bin Md. Dahan
Madrasah Kampung Ibok (PERTIS)

LATAR BELAKANG

Braille merupakan satu sistem tulisan berdasarkan sentuhan yang telah diaplikasikan penggunaannya oleh Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan dalam bacaan al-Quran. Al-Quran Braille sedia ada yang diguna pakai di Malaysia dan juga di kebanyakan negara lain adalah berasaskan kaedah *Rasm Imla'i*. Setakat ini belum ada al-Quran Braille yang sepenuhnya dibangunkan mengikut *Rasm Uthmani* sebagaimana pada mashaf yang digunakan di kebanyakan negara.

Oleh yang demikian, standard (garis panduan) ini dibangunkan ke arah penulisan al-Quran Braille yang sehampir mungkin dengan mushaf al-Quran bercetak *Rasm Uthmani* terbitan Mujamma' Malik Fahd, Arab Saudi. Standard ini juga mengambil kira kemudahan OKU Penglihatan bukan Arab ('ajam) dalam bacaan al-Quran.

Standard ini dibangunkan hasil kerjasama Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS).

TUJUAN

Tujuan standard ini disediakan adalah untuk menjadi garis panduan dalam penulisan dan penerbitan al-Quran Braille bagi penggunaan mereka yang berpenglihatan dan “OKU”.

Standard ini merupakan peraturan yang ditetapkan bagi semua jenis penerbitan al-Quran Braille dan juga sebagai rujukan kepada pihak-pihak berikut:

- a. Para pengusaha, pengilang, pencetak, penerbit, penjual, pekerja, orang awam dan pihak-pihak yang terlibat dengan kegiatan penulisan dan penerbitan al-Quran Braille; dan
- b. Agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab melulus dan mengawal aktiviti-aktiviti yang berkaitan perkara di atas.

PRINSIP ASAS PENULISAN DAN PENANDAAN MASHAF AL-QURAN

BRAILLE MALAYSIA

A. RASM

1. Garis Panduan Penulisan Al-Quran Braille Standard Malaysia dibangunkan dari aspek rasm yang sehampir mungkin dengan mashaf al-Quran bercetak (*Rasm Uthmani*) dari aspek penggunaan huruf-huruf dan cara sambungan huruf-huruf tersebut bagi membentuk kalimah-kalimah al-Quran. Ia berpandukan mashaf al-Quran Malaysia mengikut kaedah garis panduan penulisan Al-Quran Kementerian Dalam Negeri serta merujuk mashaf Al-Quran cetakan Madinah. Walau bagaimanapun kaedah penulisan *Rasm Imla'i* turut diguna pakai apabila terdapat kekangan dan masalah dalam kaedah penulisan dan pembacaan al-Quran Braille ini.
2. Perkataan-perkataan al-Quran Braille diselaraskan ejaannya dengan kaedah penulisan perkataan yang terdapat dalam mashaf

al-Quran bercetak (*Rasm Uthmani*) dari aspek *al-Hazf*, *al-Ziyadah*, *al-Ibdal*, *al-Hamz*, *al-Fasl wa al-Wasl* dan *Mafihi Qira'atan Mutawatiran wa Kutiba 'ala Ihdahuma* melainkan dalam situasi tertentu sahaja.

3. Untuk lapan perkataan yang ditulis dengan kaedah *ibdal alif* kepada *waw* dalam *mashaf al-Quran* bercetak (*Rasm Uthmani*), perkataan-perkataan ini dieja menggunakan huruf *alif kecil* (titik 4) bagi mewakili huruf *waw* (*rasm*) dan *alif kecil* (*dabt*) untuk mengelakkan kekeliruan terhadap pembaca tulisan Braille. Perkataan-perkataan tersebut adalah:

4. Kod *hamzah alif* (titik 3,4) digunakan untuk *hamzah alif* yang berbaris *fathah* atau *dammah* sahaja. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
أَجْرٌ	أَجْرٌ
أَمْكَانٌ	أَمْكَانٌ

5. Kod *hamzah alif* (titik 4,6) digunakan untuk *hamzah alif* yang berbaris *kasrah*. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
إلى	ءا·ل·ى
إن	ءا·ن

6. Huruf *hamzah* tanpa rumah yang terletak di antara dua huruf yang bersambung hendaklah menggunakan kod (3) (⋮). Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
أَلْفَنْ	أَلْفَنْ
سِعَاتِكُمْ	سِعَاتِكُمْ
وَسَعْلُوا	وَسَعْلُوا
بِثَايَيْتَنَا	بِثَايَيْتَنَا
شَيْئًا	شَيْئًا

B. DABT

Garis Panduan Penulisan Al-Quran Braille Standard Malaysia dibangunkan dari aspek *dabt* (termasuk tanda *waqf* dan tanda bacaan khas riwayat *Hafs*) sehampir mungkin dengan mashaf al-Quran Malaysia mengikut kaedah garis panduan penulisan Al-Quran Kementerian Dalam Negeri serta merujuk mashaf al-Quran cetakan Madinah.

1. Perkataan "*Allah*" dan "*Allahumma*" dieja menggunakan *fathah* selepas *lam kedua* dan bukannya menggunakan *alif kecil*:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
الله	ا ل ل ه
اللهم	ا ل ل ه م

2. Huruf *lam alif* perlu dipisahkan dengan baris di antara *lam* dengan *alif* sama ada baris tersebut adalah *fathah* atau *fathatain*. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
ل	ل
حولاً	ح او لا

3. Perletakan tanda baris (*fathah*, *kasrah* dan *dammah*) bersama-sama dengan huruf *alif kecil*, *ya kecil* dan *waw kecil* adalah mengikut kepada ejaannya dalam *Mashaf Madinah*. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
غشوة	غ ش و ت ه
يَه	ي ه
لَهُ	ل ه

4. Titik 4,5 yang mewakili kod *ya kecil* mempunyai dua fungsi iaitu sebagai *mad* selepas huruf *damir* (*mad silah*) dan juga sebagai huruf *ya* yang tidak dituliskan di dalam *rasm* tapi perlu dibaca (sama ada mati atau berbaris).

Tulisan Bercetak	Versi Braille
بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ	بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
ابْرَاهِيمَ	ابْرَاهِيمَ
وَلَكَ	وَلَكَ

5. Meletakkan baris bagi huruf-huruf sebelum huruf-huruf *mad asli* (*alif*, *waw*, *ya*) dan juga sebelum *waw jama'* tanpa meletakkan tanda *sukun*. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
الْعَلَمِينَ	الْعَلَمِينَ
قَالُوا	قَالُوا

6. Meletakkan baris *fathah* sebelum huruf *alif maqsurah* serta meletakkan juga *alif kecil* selepas *alif maqsurah* tersebut (jika ada) selaras dengan *Mashaf Madinah*. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
وَالضَّحْنَ	وَالضَّحْنَ

7. Menggunakan tanda *mad* yang melebihi dua harakat (titik 2,4,6) pada tempat-tempat berkenaan seperti *mad muttasil*, *mad munfasil* dan *mad lazim*. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
يَشَاءُ	ءَيْ شَاءُ
إِلَّا أَنْ	إِنْ لَّا أَنْ
الْمَحَاكَةُ	الْمَحَاكَةُ
يَسِّ	يَسِّ

8. Tanda *syaddah* perlu ditulis pada huruf yang menerima *idgham kamil*. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
مِنْ لَدُنْكَ	مِنْ لَدُنْكَ
لَهُمْ مِنْ	لَهُمْ مِنْ
تَكُنْ لَهُ	تَكُنْ لَهُ
فَدَبَّيْنَ	فَدَبَّيْنَ

9. Huruf-huruf *muqatta'ah* ditulis tanpa dipisahkan oleh titik (3,6) di antara setiap huruf. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
الْمَ	الْمَ

10. Tidak meletakkan tanda *alif kecil* pada huruf-huruf *muqatta'ah* yang tidak dibaca dengan *mad* yang melebihi dua *harakat*. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
ط	⠼⠼⠼
س	⠼⠼⠼

11. Penggunaan *tanwin* yang menunjukkan kaedah bacaan bertajwid seperti *tanwin al-tarkib* dan *tanwin al-itba'* diaplikasikan. *Tanwin al-tarkib* dan *al-itba'* hendaklah menggunakan kod seperti berikut:

- a. *Tanwin al-Tarkib* (selari)
- *Fathatain* = titik (2,3).
 - *Kasrahtain* = titik (3,5).
 - *Dhamahatian* = titik (2,6).

Tulisan Bercetak	Versi Braille
=	⠼⠼
—	⠼⠼
ؚ	⠼⠼

- b. *Tanwin al-Itba'* (tidak selari)
- *Fathahtain* = titik (2,3,6).
 - *Kasrahtain* = titik (3,5,6).
 - *Dhamahatian* = titik (2,5,6).

Tulisan Bercetak	Versi Braille
=	⠼⠼⠼
—	⠼⠼⠼
ؚ	⠼⠼⠼

12. Tanda *tanwin* (*fathatain*) pada perkataan seumpama (عليماً) hendaklah diletakkan selepas huruf yang dibaca *tanwin* kemudian diikuti dengan huruf *alif*, seperti berikut:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
عليماً	ع ل ي م ا
حِكِيْمَا	ح ك ي م ا

13. Huruf *mim kecil* (*iqlab*) ditulis dengan titik (5,6) dan diletakkan selepas huruf *nun* atau harakat yang berkaitan. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
مِنْ بَعْدِ	م ن ب ع د
يَنْبُغِي	ي ن ب غ ي
أَبْدًا إِيمَانًا	أ ب د ا إ ي م ا ن ا
صُمْبُكْمُ	ص م ب ك م

14. Tanda *bulat* (*sifr mustadir* dan *sifr mustathil*) dalam *Mashaf Madinah* diguna pakai dalam mashaf al-Quran Braille seperti berikut:

- sifr mustadir = titik (1,4) (٤)
- sifr mustathil = titik (1,2,3,4) (٤)

Tulisan Bercetak	Versi Braille
أُولَئِكَ	أ ع ل ئ ك
إِمَّا تُؤْمِنُوا	إ م م ا ت ع م ي ن و ا
أَنْ	أ ن
فَوَارِيرْأَ	ف و ا ر ي ر أ

15. Penandaan awal *rubu'* hendaklah mengikut al-Quran Braille Arab Saudi dengan meletakkan titik (2,5) sebanyak dua kali (•••) di perenggan yang baharu sebelum permulaan ayat.
Contohnya: Al-Baqarah: 26

16. Huruf *nun kecil* (dalam *Mashaf Madinah*) pada kalimah ke-7 dalam ayat ke-88 surah *al-Anbiyaa* ditulis dengan kod 1,3,4,5 (*nun*) sahaja. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
نَجِي	ن ج ي

17. Tanda *alif kecil* yang ditulis di bawah huruf *hamzah* (dalam *Mashaf Madinah*) pada kalimah ke-4 dalam ayat ke-72 surah *al-Baqarah* dibuangkan untuk mengelakkan kekeliruan pembaca. Contohnya: Al-Baqarah: 72

Tulisan Bercetak	Versi Braille
فَادْرِجْ تُمْ	فَادْرِجْ تُمْ

18. Huruf *ya'* di akhir kalimah yang ditulis tanpa titik (*nuqt l'jam*) dalam *Mashaf Madinah* tetap ditulis menggunakan kod 2,4 yang mewakili fungsi huruf *ya'*. ia tidak boleh ditulis menggunakan kod 1,3,5 yang mewakili *alif maqsurah*.
- Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
وَذِي الْقُرْبَى فِي أَمَانَى	وَذِي الْقُرْبَى فِي أَمَانَى

19. Tanda *hamzah wasal* (kepala huruf *sad*) yang terdapat di atas *alif* tidak diwujudkan.
- Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
الْحَمْدُ إِنَّ اللَّهَ	الْحَمْدُ إِنَّ اللَّهَ

C. TANDA-TANDA WAQF

1. Mengaplikasikan penggunaan lima (5) tanda *waqf* yang terdapat dalam *Mashaf Madinah* terkini seperti berikut:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
م	م
ج	ج
ص	ص
ق	ق
ف ف	ف ف

2. Tanda *waqf ta'anuq* ditulis dengan kod (2,3,5) (⋮). Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
رَبِّ فِيهِ	ربِّ فِيهِ

3. Tanda *waqf* di pertengahan ayat (selain *waqf ta'anuq*) hendaklah didahului oleh (titik 3,6) untuk membezakannya daripada perkataan dan ayat al-Quran. Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
قَامُواْ وَلَوْ	قَامُواْ وَلَوْ

D. BACAAN KHAS

1. Tanda *tashil* ditulis menggunakan kod (3,4,5) (⋮). Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
مَبْعِدٌ	مَبْعِدٌ

2. Tanda *ishmam* dan *imalah* ditulis menggunakan kod (1,2,4,5,6) (⋮). Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
تَأْمِنَةً	تَأْمِنَةً
بِعْرَيْهَا	بِعْرَيْهَا

Tulisan Bercetak	Versi Braille
مَنْ رَأَيْ	مَنْ رَأَيْ

4. Tanda *sajdah* hendaklah ditulis (﴿ ﴿ ﴿ ﴿) - tanpa *alif lam* (﴿ ﴿), di awalnya, diletakkan di dalam kurungan, bertempat di penghujung ayat, sebelum nombor ayat seperti berikut:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
	

FORMAT PENERBITAN AL-QURAN BRAILLE

1. Muka hadapan setiap jilid mashaf al-Quran Braille perlu mengandungi maklumat-maklumat berikut yang ditulis dalam tulisan Braille dan tulisan bercetak:
 - Judul (al-Quran Karim, Mashaf al-Quran Braille Malaysia)
 - Nombor Jilid
 - Nama surah yang terawal dan terakhir bagi jilid berkenaan
 - Riwayat *Hafs ‘an Asim Tariq al-Syatibiyyah*
 - Nama dan alamat penerbit
 - Nama dan alamat pencetak
 - Nama pengimport (jika berkenaan)
 - Tarikh cetakan
 - Nombor rujukan kelulusan
 - Tanda perakuan betul/cop
2. Menyediakan satu halaman senarai kandungan yang menyatakan nama dan nombor surah serta nombor halaman.
3. Menyediakan satu halaman di awal setiap jilid mashaf al-Quran Braille yang menyatakan simbol yang digunakan untuk tanda-tanda *waqaf, saktah, sujud tilawah, hizb* dan sebagainya.
4. Di awal setiap surah, dinyatakan nama surah, nombor surah dan jumlah ayat.
5. *Basmalah* hendaklah ditulis pada permulaan setiap surah melainkan pada surah *al-Taubah*.
6. Pada setiap permulaan *juzuk* al-Quran, informasi-informasi berikut hendaklah ditulis dan ditempatkan di tengah-tengah barisan:
 - perkataan *juzuk* serta nombornya; dan
 - perkataan *hizib* serta nombornya.

7. Pembahagian ayat-ayat al-Quran kepada *hizb* adalah berdasarkan kepada pembahagiannya dalam *Mashaf Madinah* versi tulisan bercetak.
8. Huruf pertama bagi kalimah permulaan setiap ayat al-Quran mestilah ditulis pada sel Braille yang ketiga.
9. Setiap kalimah al-Quran mestilah ditulis dengan sempurna dalam satu baris. Tidak dibenarkan memisahkan satu kalimah al-Quran dalam dua baris yang berbeza walaupun disambung oleh tanda sengkang dan sebagainya.
10. *Mashaf* al-Quran Braille hendaklah ditulis tanpa menggunakan mana-mana kaedah singkatan Braille.
11. *Mashaf* al-Quran Braille hendaklah ditulis dari kiri ke kanan.
12. Pembahagian jilid hendaklah dibuat seperti berikut:
 - i. Jilid 1 - Permulaan Surah *Al-Fatiyah* hingga tamat Surah *Al-Nisa'*.
 - ii. Jilid 2 - Permulaan Surah *Al-Maidah* hingga tamat Surah *Al-Taubah*.
 - iii. Jilid 3 - Permulaan Surah *Yunus* hingga tamat Surah *Maryam*.
 - iv. Jilid 4 - Permulaan Surah *Taha* hingga tamat Surah *Luqman*.
 - v. Jilid 5 - Permulaan Surah *Al-Sajdah* hingga tamat Surah *Al-Fath*.
 - vi. Jilid 6 - Permulaan Surah *Al-Hujurat* hingga tamat Surah *Al-Nas*.

PENUTUP

Secara amnya, Garis Panduan Penulisan Al-Quran Braille Standard Malaysia adalah merujuk kepada *Mashaf Madinah* (bercetak) yang menggunakan kaedah *Rasm Uthmani* dengan meraikan riwayat *Hafs'an Asim*. Namun begitu, dalam keadaan tertentu atau kalimah tertentu, kaedah *Rasm Imla'i* akan digunakan. Penggunaan kaedah *Rasm Imla'i* pada keadaan tertentu mengambil pandangan sebahagian ulama yang berpendapat bahawa diharuskan menulis al-Quran Braille menggunakan kaedah *Rasm Imla'i* atas dasar kesulitan dan memenuhi kesesuaian pembacaan tulisan Braille bagi OKU penglihatan.

Oleh itu, standard ini dibangunkan untuk tujuan penyeragaman dan penambahbaikan dari aspek kaedah penulisan dan penandaan al-Quran Braille terbitan Malaysia yang sedia ada.

KETERANGAN MENGENAI KOD HURUF ARAB & DABT BRAILLE

18	ع	1-2-3-5-6	׃
19	غ	1-2-6	׃
20	ف	1-2-4	׃
21	ق	1-2-3-4-5	׃
22	ك	1-3	׃
23	ل	1-2-3	׃
24	م	1-3-4	׃
25	ن	1-3-4-5	׃
26	و	2-4-5-6	׃
27	هـ	1-2-5	׃
28	الـ	1-2-3-6	׃
29	ءـ	3	׃
30	يـ	2-4	׃
31	أـ	3-4	׃
32	إـ	4-6	׃
33	ئـ	1-3-4-5-6	׃
34	ؤـ	1-2-5-6	׃
35	ىـ	1-3-5	׃
36	ةـ	1-6	׃
37	ـ	2	׃
38	ـ	1-5	׃
39	ـ	1-3-6	׃
40	ـ	2-5	׃
41	ـ	6	׃

42		2-3	⋮
43		3-5	⋮⋮
44		2-6	⋮⋮
45		2-3-6	⋮⋮ (baris dua di atas tak selari)
46		3-5-6	⋮⋮ (baris dua di bawah tak selari)
47		2-5-6	⋮⋮ (baris dua di hadapan tak selari)
48		2-4-6	⋮⋮
49		4	⋮⋮ (Alif Kecil)
50		4-5	⋮⋮ (Ya Kecil)
51		3-4-6	⋮⋮ (Waw Kecil)
52		5-6	⋮⋮ (Mim kecil)
53		1-2-4-5-6	⋮⋮⋮⋮⋮⋮ (Imalah)
54		1-2-4-5-6	⋮⋮⋮⋮⋮⋮ (Isymam)
55		3-4-5	⋮⋮⋮ (Tashil)
56		1-4	⋮⋮⋮⋮ (Sifr Mustadir)
57		1-2-3-4	⋮⋮⋮⋮ (Sifr Mustatil)
58		2-3-5	⋮⋮⋮ (Waqf Taa'nuq)
59	()	2-3-5-6	⋮⋮⋮⋮⋮⋮ (Pembuka dan penutup kurungan)
60		3-4-5-6	⋮⋮⋮⋮⋮⋮ (Tanda untuk nombor Braille)
61	-	3-6	⋮⋮

PENGENALAN MASHAF INI

Mashaf ini ditulis dan diberis mengikut riwayat *Hafs bin Sulaiman bin Al-Mughirah Al-Asadi Al-Kufi*, menurut *Qiraat Aasim bin Abu An-Najud Al-Kufi At-Taabe'i* daripada *Abu Abdur Rahman Abdullah bin Habib al-Sulami* daripada *Uthman bin Affan, Ali bin Abu Talib, Zaid bin Thabit* dan *Ubai bin Ka'b* daripada Rasulullah SAW.

Ejaannya diambil daripada apa yang diriwayatkan oleh Ulama' rasm (tulisan) yang disalin daripada mashaf-mashaf yang diutus oleh *Khalifah Uthman bin Affan* ke kota *al-Basrah, al-Kufah, al-Syam, Makkah*, dan mashaf yang ditentukan oleh *Saidina Uthman* untuk diguna pakai oleh penduduk kota *al-Madinah al-Munauwarah*, dan mashaf yang diguna pakai oleh *Saidina Uthman* sendiri, serta daripada mashaf-mashaf yang dinaskahkan daripada mashaf-mashaf tersebut dengan mengambil kira apa yang dinukil oleh *Sheikh Abu 'Amr al-Dani* dan *Sheikh Abu Dawood Sulaiman bin Najah* dengan diutamakan pendapat *Abu Dawood* jika terdapat perbezaan.

Sementara setiap huruf yang terdapat pada mashaf ini adalah sama seperti mana yang terdapat pada keenam-enam naskhah mashaf *Saidina Uthman* yang tersebut di atas.

Cara penandaan (*Dabt*) mashaf ini diambil daripada apa yang diputuskan oleh Ulama' ad-Dabt berdasarkan kitab "At-Tiraz 'ala Dabt al-Kharraz" karangan *al-Imam al-Tanasi* dengan mengikut tanda-tanda ciptaan *al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi* dan pengikut-pengikutnya daripada Ulama' al-Masyariqah.

Pengiraan bilangan ayat adalah mengikut pengiraan *Ulama' al-Kufah* yang diambil daripada *Abu Abdur Rahman Abdullah bin Habib al-Sulami* daripada *Saidina Ali bin Abu Talib* seperti yang dirujuk dari kitab “*Nazimah al-Zuhri*” karangan *al-Imam al-Syatibiy* dan kitab-kitab lain yang membicarakan ilmu *al-Fawasil*. Bilangan ayat al-Quran menurut pendapat mereka adalah sebanyak 6,236 ayat.

Penentuan *Juz*, *Hizb* dan *Rubu'* dirujuk kepada kitab “*Ghaith al-Nafe*” karangan *al-'Allamah al-Safaqusi*, kitab “*Nazimah Al-Zuhri*” karangan *al-Imam al-Syatibiy*, kitab “*Tahqiq Al-Bayan*” karangan *Sheikh Muhammad al-Mutawalli* dan kitab “*Irsyad al-Qurra*” wa *al-Katibin*” karangan *Abu Eid Ridhuan al-Mukhallilati*. Bilangan *Juz* adalah sebanyak 30 *Juz*, manakala bilangan *Hizb* adalah sebanyak 60 *Hizb*.

Penentuan surah *Makkiah* dan *Madaniah* sebagaimana yang terdapat dalam jadual di akhir mashaf ini merujuk kepada “*Kitab Abu al-Qasim Umar bin Muhammad bin Abdul Kafi*”.

Penentuan tempat-tempat dan tanda-tanda *Waqaf* merujuk kepada mashaf *al-Madinah al-Nabawiah* yang dihasilkan oleh *Mujamma' al-Malik Fahd Litiba'ah al-Mushaf al-Syarif, al-Madinah al-Munawarah*.

Rasm Imla'i diguna pakai di dalam penulisan beberapa kalimah bagi menampung keperluan pembaca tulisan Braille dengan mengambil kira *rukhsah* bersandarkan kepada pandangan *Ibnu Khaldun* dan *Abu Bakar al-Baqillani*.

PANDUAN MASHAF AL-QURAN BRAILLE MALAYSIA

Pengenalan

Penulisan mashaf al-Quran Braille Malaysia dibangunkan dari aspek *rasm* dan *dabt* sehampir mungkin dengan mashaf al-Quran bercetak *Rasm Uthmani* terbitan Mujamma' Malik Fahd, Arab Saudi. Walau bagaimanapun kaedah penulisan *Rasm Imla'i* turut digunakan apabila terdapat kekangan dalam kaedah penulisan al-Quran Braille.

Kaedah-kaedah Penulisan

1. Bagi dua kalimah yang ditulis secara bersambung (*wasl*) di dalam *Mashaf Madinah*, hendaklah ditulis secara bersambung di dalam mashaf al-Quran Braille Malaysia. Contohnya:

2. Kalimah yang ditulis berdasarkan kaedah *ibdal waw* dalam *Mashaf Madinah* hendaklah ditulis dengan *Rasm Imla'i* seperti berikut:

Surah / Ayat	Versi Rasm Uthmani	Versi Braille
Di mana-mana tempat dalam <i>al Quran</i>	الصَّلَاةُ الزِّكْرُ الحَيَاةُ الرِّبَوْا	الصَّلَاةُ الزِّكْرُ الحَيَاةُ الرِّبَوْا
(Al-An'am 6: 52)	بِالْغَدْرِ	بِالْغَدْرِ

(Al-Kahf 6: 52)	بِالْعَدْوَةِ	بِالْعَدْوَةِ
(Al-Nur 24: 35)	كَمُشْكُوفٍ	كَمُشْكُوفٍ
(Ghafir 40: 41)	النَّجْوَةِ	النَّجْوَةِ
(Al-Najm 53: 20)	وَمَنْوَةً	وَمَنْوَةً

3. Kalimah yang mempunyai dua huruf secara bertindan dalam mushaf bercetak, hendaklah ditulis mengikut kaedah berikut:

 - a. Jika huruf *sin kecil* berada di atas huruf *sad*, maka mesti ditulis *sin* seperti dalam surah *Al-Baqarah* ayat 245 dan surah *Al-A'raf* ayat 69.

Tulisan Bercetak	Versi Braille
يُبَصِّرُ	بَصَرٌ
كَلْمَةٌ	كَلْمَةٌ

- b. Jika huruf *sin kecil* berada di bawah *sad*, maka mesti ditulis *sad* seperti dalam surah *Al-Thur* ayat 37.

Tulisan Bercetak	Versi Braille
المصيّطرونَ	مَصِيْطُرُونَ

4. Tanda *tashil* menggunakan kod (3,4,5) (::). Contohnya: **مَنْجَمِي** ditulis:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
مَبْعَثِي	م ب ع ث ي

5. Tanda *ishmam* dan *imalah* menggunakan kod (1,2,4,5,6) (⋮).

Contohnya:

Tulisan Bercetak	Versi Braille
تَأْمِنَّا	تَأْمِنَّا
بِحُرْبَنَهَا	بِحُرْبَنَهَا

6. Tanda bulat dalam mashaf al-Quran bercetak diguna pakai dalam mushaf al-Quran Braille seperti berikut:

- *sifir mustadir* = titik (1,4) (••)

- *sifr mustathil* = titik (1,2,3,4)

Tulisan Bercetak	Versi Braille
أَنَا	أَنَا
لَدِكَنَا	لَدِكَنَا
السَّيِّلَا	السَّيِّلَا
فَوَارِيرَا	فَوَارِيرَا
الظُّنُونَا	الظُّنُونَا
الْأَسْمَلَا	الْأَسْمَلَا